

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Pusat Sukan
Sent: Monday, 29 May, 2017 12:18 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Prof. Dr. Mohd Sofian Bin Omar Fauzee
Subject: Faiz & Aisyah Dinobatkan Sebagai Atlet Terbaik Universiti Di Majlis Anugerah Sukan MASUM 2016



29 MEI 2017 / 03 RAMADAN 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

FAIZ DAN AISYAH DINOBATKAN SEBAGAI ATLET TERBAIK UNIVERSITI DI MAJLIS ANUGERAH SUKAN MASUM 2016



PSUKAN ONLINE : Dua atlet Pencak Silat Universiti Utara Malaysia (UUM) telah dinobatkan sebagai Atlet Terbaik Universiti pada Majlis Anugerah Sukan MASUM 2016 baru-baru ini bertempat di Hotel Grand Margherita, Kuching, Sarawak.

Saudara Mohd Faiz Mohd Zuki merupakan pelajar semester 4 Program Sarjana Muda Pengurusan Industri Kreatif dengan Kepingan telah dinobatkan sebagai Atlet Terbaik Universiti Kategori Lelaki.

Kejayaan Mohd Faiz ini adalah hasil pencapaian cemerlang sepanjang tahun 2016 apabila memperolehi satu pingat perak dalam Kejohanan Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) II, 2016, seterusnya dua pingat gangsa di Kejohanan Pencak Silat UPSI dan Jemputan Antarabangsa 2016 dan Kejohanan Pencak Silat Antarabangsa Piala TPM 2016.

Sementara itu, Saudari Nur Aisyah Binti Razani yang juga merupakan atlet pencak silat telah dinobatkan sebagai Atlet Terbaik Universiti Kategori Wanita.

Nur Aisyah merupakan pelajar semester 7 dalam Program Sarjana Muda Kewangan dan Perbankan Islam dengan Kepingan.

Sepanjang penglibatannya pada tahun 2016, Nur Aisyah telah menyumbang satu pingat emas di Kejohanan Pencak Silat HICOM University 2016, seterusnya satu pingat perak di Kejohanan Pencak Silat Antarabangsa Piala TPM 2016 dan satu pingat gangsa di Kejohanan Pencak Silat UPSI dan Jemputan Antarabangsa 2016.

Kejayaan kedua-dua atlet ini turut disaksikan oleh Yang Berusaha Prof. Madya Dr. Abdul Malek Bin Hj. Abdul Karim, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) yang turut hadir dalam majlis tersebut.

=====

DARIPADA :

PUSAT SUKAN

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

TEL : 04-9283560/3561

FAX : 04-9283552

EMAIL : pusur@uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.